
[BIL. 9 DIS 2018](#)

NC seru mahasiswa UMP memperkaya pengalaman

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim berhasrat m (MPP) Sesi 2018/2019 memainkan peranan yang besar dalam meluaskan *world view* mahasiswa UMP dalam soal pengurusan diri dan hal-ehwal mereka selepas ini.

“Sebagai pemimpin, satu perkara yang perlu selalu diingati iaitu *respect should be earned, not demanded* kepemimpinan berimpak (*impactful leadership*) dengan tertib dan adab, profesionalisme komunikasi dan kualiti

“Kematangan kepimpinan yang dicirikan oleh diplomasi, konferensi dan kesusilaan sewajarnya diangka konsisten,” katanya dalam Majlis Penyerahan Pelantikan dan Angkat Sumpah MPP 2018/2019 yang berla pada 29 November 2018 yang lalu.

Tambah beliau lagi, interaksi dengan pihak pengurusan melalui pelbagai saluran rundingan dan musyawar dikekalkan.

“Para mahasiswa akan mula menilai prestasi dan wibawa barisan MPP ini untuk mengangkat agenda-ag pengalaman kampus mereka di sini.

“Dalam hubungan tersebut, antara aspek penting yang perlu diberikan perhatian serius oleh MPP kebahagiaan, hormat-menghormati dan kemanusiaan yang banyak kali dinyatakan oleh Yang Berhormat M

“Justeru, pihak MPP harus turut berperanan dan bertanggungjawab dalam mempromosikan keempat-e program dan aktiviti supaya UMP terus harmoni dan berseri dengan suasana kampus yang kondusif un katanya.

Profesor Dato' Sri Dr Daing Nasir turut mengucapkan tahniah kepada urus setia mahasiswa atas keupayaan Perwakilan Mahasiswa (MPP) kali ini dengan lancar, teratur dan tenteram tanpa sebarang masalah atau pertelingkahan dalam pemilihan dan hari pengundian yang berlangsung pada 26 November lalu.

Selaras dengan agenda pengupayaan mahasiswa oleh Menteri Pendidikan yang baharu, maka inisiatif ini akan dikendalikan sendiri oleh mahasiswa.

Kejayaan eksperimen ini memberi keyakinan kepada pihak pengurusan untuk terus mengekalkan penyertaan dalam urusan pemilihan MPP yang akan datang.

Perkembangan positif ini tidak hanya signifikan dalam konteks pengayaan pengalaman kampus mahasiswa, tetapi juga pendedahan kepada aspek akauntabiliti, ketelusan dan integriti proses sebagai asas tadbir urus cemerlang.

Majlis menyaksikan seramai 25 barisan kepimpinan MPP yang diketuai Yang di-Pertua MPP 2018/2019, iaitu MPP Mekanikal (FKM) yang menerima wafat pelantikan dan mengangkat sumpah berjanji menunaikan tanggungjawab.

Bagi Zakwan, MPP akan memainkan peranan sebagai pengantara antara mahasiswa dan pengurusan universiti.

Perkara itu akan menjadi elemen utama buat beliau selepas diberi kepercayaan untuk memimpin MPP. Hubungan antara pengurusan universiti dan mahasiswa telah sedia terjalin, namun ianya perlu ditambah baik.

Beliau juga akan sedaya upaya menyediakan platform kepada mahasiswa bagi meningkatkan *Unique Selling Point*.

Turut menjadi perhatian termasuklah memperkasa peranan MPP, berkolaborasi antara kelab dalam universiti.

Pihak universiti turut menghargai sumbangan barisan kepimpinan MPP 2017/2018 yang diketuai Yang di-Pertua MPP Aniq Saidi.

Hadir sama dalam majlis Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusoff (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff dan Ketua Pegawai Operasi merangkap

UMP rai pengamal media Pahang

Program Sepetang Universiti Malaysia Pahang (UMP) Bersama Media yang diadakan pada 26 Novemb
pengurusan universiti dan pengamal media meluangkan masa dan mengeratkan lagi hubungan baik serta
dalam membuat liputan program-program universiti.

Dengan publisiti dan liputan meluas yang telah diberikan oleh pihak media sejak penubuhan UMP pada
telah mengenali UMP dan mengetahui peranannya dalam melahirkan jurutera dan teknologis yang berdaya

Menurut Naib Canselor, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, UMP sangat berbesar hati menda
daripada agensi media dalam usaha menyampaikan perkembangan dan kecemerlangan universiti
kecemerlangan universiti apabila diiktiraf dalam kelompok 200 universiti terbaik Asia oleh *QS University Ra*

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid, Pengurus Besar, Pu
Haji Safie, Ketua Biro NSTP, Abd. Razak Raaf, Ketua Biro Bernama, Noor Shamsiah Mohamed dan Ketua

Dalam majlis yang sama turut berlangsung Prapelancaran Kejohanan Badminton Media Piala Naib Cans
Disember depan bagi menyokong aktiviti kesukanan dan membudayakan amalan gaya hidup sihat dalam k

Turut hadir 60 wartawan dan jurugambar. Majlis turut diserikan dengan persembahan kebudayaan oleh Kur

Rakyat Malaysia perlu lebih hargai negara sendiri -

Oleh: MOHD MUKHRIS AWANG, PEJABAT NAIB CANSOLOR

Pengalaman mengembara dan berkerjaya di Malaysia sejak lima tahun lalu telah menyebabkan beliau jatuh

Malah, jejak Inggeris kelahiran Gravesend, Kent ini mengakui hairan dengan sikap segelintir rakyat Malay serta tidak dapat menguasai bahasa kebangsaan.

Demikian cetusan rasa yang dikongsikan seorang pengacara televisyen, pelakon dan selebriti Youtube, i *Infinite Class: Express To Impress* anjuran Kelab InSmartive dan Perwakilan Kolej Kediaman 4 (PEKA4) di Gambang pada 24 November 2018 yang lalu.

Beliau turut berkongsi aktiviti minggunya dengan menonton satu filem bahasa Melayu pada setiap minggu dalam bahasa tersebut.

"Malulah saya kalau tidak pandai cakap Melayu dengan baik sedangkan saya bekerja dan tinggal di Malaysia gemuruh para hadirin.

Penampilan sulung beliau di UMP ini telah menerima sambutan hangat daripada lebih 300 mahasiswa bert

Selain perkongsian kerjayanya dalam dunia seni dan penyiaran, Mark O'dea turut gembira melayani para hadirin lebih satu jam serta tampil mengejutkan mereka dengan persembahan istimewa lagu 'Sinaran' yang pernah dinyanyikan ketika dahulu.

Beliau yang dikenali ramai melalui watak 'Mr James Blond' dalam siri '*Oh My English!*' di TViQ memulakan kerjayanya seawal usia 22 tahun kini aktif dalam bidang pengacara dan pengulasan sukan di sebuah syarikat televisyen

Berpendidikan dalam bidang seni persembahan dari sebuah akademi teater terkemuka di United Kingdom, beliau berambisi supaya berani meneroka dunia dan mengembara jauh bagi mencari peluang kerjaya di samping memajukan dan meningkatkan pengetahuan.

Turut hadir dalam sesi dialog adalah Ketua Penyelidik Pejabat Naib Canselor, Wan Nazrul Helmy Wan Nazrul Salim Pakheri, Presiden InSmartive, Muhammad Aizat Azed dan Presiden PEKA 4, Muhammad Ha

Dalam pada itu, Mark O'dea turut dijemput menjayakan program *Interactive Group* di bawah inisiatif *Bridge* Kuala Pahang, Pekan kelolaan Kelab InSmartive dan UMP Advanced Education.

Program interaktif berteraskan pendidikan bahasa Inggeris dan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Maten untuk anak-anak tempatan bersama sukarelawan mahasiswa UMP dengan menyasarkan transformasi lan

Mahasiswa UMP hulur sumbangan, timba pengalaman sosio bud

Oleh: EMMA MELATI BURHANUDDIN, FAKUTI KEJURUTERAAN AWAM & SUMBER ALAM (FKASA)

Seramai sepuluh orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) telah menyertai misi Mobiliti Asean Kemboja 2018 pada 30 No

Program khidmat komuniti ini memberikan mereka peluang menimba pengalaman mengenai sosiobudaya r

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) ini bertujuan mendekatkan mah perkongsian teknologi dan pengetahuan selain dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasis

Menurut Pengarah Program, Ahmad Firdaus Ahmad Asri, kunjungan mereka ke Kampung Chnang yang r sangat menginsafkan.

“Kedudukan kampung yang agak jauh iaitu jaraknya 130 km dari pusat bandar menyebabkan k pembangunan.

“Malahan kebanyakan mereka masih menggunakan perigi dan pam air untuk mendapatkan sumber air ber dan surau juga serba kekurangan dari segi kelengkapan dan keselesaan untuk belajar dan melaksanakan i

“Program seperti ini dapat memupuk semangat kemasyarakatan secara berkumpulan. Aktiviti yang dijalankan termasuk perkongsian teknologi dan pemberian sumbangan dalam bentuk tenaga, pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di sini,” katanya.

Tambah beliau lagi, selain itu dengan adanya program seperti ini mampu mewujudkan semangat jati diri dalam kalangan mahasiswa.

“Misalnya, kesulitan yang dirasakan bersama mampu melahirkan sebuah kumpulan yang sentiasa memahami dan memberikan kesedaran bahawa tidak semua orang mampu merasai kesenangan dan bersyukur dengan nikmat yang diberikan.”

“Aktiviti seperti ini juga mampu mewujudkan rasa bertimbang rasa dan berkongsi apa yang dimiliki. Bukan sahaja mahasiswa mempelajari keunikan budaya, bahasa, perkembangan teknologi dan sebagainya yang ada di kampung, tetapi juga

“Kami juga mengadakan aktiviti kemasyarakatan bersama penduduk Kampung Chnang, Trolach dan menyebarkan al-Quran dan risalah buku Surah Yasin, rak buku, telekung, sejadah dan wang tunai hasil sumbangan warga UMP.”

Tambah beliau lagi, mereka turut menyerahkan 30 unit lampu solar kepada penduduk kampung.

Di samping itu juga mereka turut berpeluang berkunjung ke Madrasah Al-Falah, Phnom Penh bagi sesi persembahan yang tergolong dalam pelbagai peringkat umur antara tujuh hingga 16 tahun.

Sudut pengetahuan juga disediakan dan dipenuhi dengan pelbagai poster informasi bagi membolehkan penduduk kampung memahami kehidupan kampus di universiti khususnya di UMP.

Kesempatan ini juga memberikan mereka peluang berkunjung ke Norton University yang merupakan universiti terbaik di dunia.

Kumpulan Kencana Pawana UMP raih 3 Anugerah

Kumpulan Kencana Pawana Universiti Malaysia Pahang (UMP) menggondol tiga anugerah utama Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) 2018 yang berlangsung di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang pada 2 Disember 2018 yang lalu.

Menurut mahasiswa Fakulti Sains & Teknologi Industri(FSTI) merangkap Ketua Tarian Zapin, Mohamad Fauzi, Kumpulan Kencana Pawana telah memenangi Anugerah Tatarias Terbaik, Anugerah Kumpulan Harapan dan Anugerah pulang wang tunai RM250 dan trofi bagi setiap anugerah yang dimenangi.

“Kami sungguh teruja dan tidak menyangka dengan kejayaan ini apabila buat julung kalinya memantapkan memandangkan persaingan yang hebat antara universiti.

“Dalam pertandingan ini, kami telah memilih tarian Zapin Padang Sari dan memakai pakaian serta aksesori tradisional.”

“Tarian ini melibatkan 12 orang penari dan kami berpuas hati kerana berjaya membuat persembahan dengan baik.”

Katanya lagi, kejayaan ini adalah hadiah teristimewa buat kumpulan yang berusaha keras berlatih dan bertanding dalam pertandingan ini.

“Selain itu, kami amat menghargai sokongan semua pihak terutamanya kepercayaan pihak universiti dan fakulti yang membuat persembahan sehingga berjaya sampai ke peringkat ini,” ujar beliau.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Kencana Pawana dan berharap semoga dengan kejayaan ini dapat memberi inspirasi kepada kumpulan kebudayaan UMP lain.

“Biarpun UMP sebagai sebuah universiti yang berfokuskan kepada teknikal dan kejuruteraan, namun pihak universiti juga sangat mementingkan kemudahan kepada mahasiswa mengembangkan minat dalam bidang seni kebudayaan,” katanya.

Juara bagi Festival Zapin MAKUM 2018 telah dimenangi oleh UPM, tempat kedua milik Universiti Teknologi MARA (UiTM) di tempat ketiga.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni).

Festival MAKUM merupakan salah satu festival tahunan yang dianjurkan bagi melahirkan penggiat generasi baharu kepada perkembangan seni.

Tasik UMP tumpuan peminat bot laju kawalan

Landskap Universiti Malaysia Pahang (UMP) sering menjadi tarikan dengan panorama yang boleh dinikmati.

Terdapat empat buah tasik di sekitar kampus dan salah satunya berhadapan Perpustakaan UMP yang dilengkapi dengan trek jogging sepanjang 1,614 meter dan laluan basikal sepanjang 1,524 meter.

Buat julung kalinya, pada 4 Disember 2018 yang lalu, tasik ini kembali menjadi tumpuan buat peminat 'Scale Model Control' (RC) dalam Pertandingan UMP *RC Powerboat Fun Race 2018* anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP Pekan.

Bagi Pengarah PSK, Abd. Rahman Haji Safie, pertandingan ini memberi peluang orang ramai menyebarkan dan menjalinkan hubungan baik dengan komuniti setempat.

"Penganjuran ini juga sebagai menyahut seruan universiti menjadikan UMP Pekan sebagai salah satu destinasi *(EDU-Tourism)* di Pekan Pahang.

"Ia berjaya melibatkan penyertaan bukan sahaja dari negeri Pahang malahan sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Kuala Lumpur.

Ketika ini pihaknya sedang bekerjasama dengan Kelab RC Boat Race Pahang untuk membentuk pasukan yang lebih banyak penyertaan termasuk dari luar negara pada penganjuran akan datang.

Pertandingan menyaksikan Lim Hai Meng menang tiga kategori iaitu *Tunnel/Catamaran Hull Local Modified Engine*, *Mono Hull Open Modified Engine* manakala bagi kategori *Tunnel/Catamaran Hull Open Import Engine* dimenangi oleh Lim Hai Meng.

Tambah beliau lagi, usaha menaik taraf kemudahan sekitar tasik dan pusat ini akan dilaksanakan terutamanya membolehkan lebih banyak sukan air dapat dilaksanakan.

Beliau mengharapkan kemudahan itu juga dapat mencungkil bakat baharu bagi permainan alat kawad yang peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selain itu, pihaknya amat menitik beratkan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam memastikan aktiviti tidak mengganggu ekosistem hidupan di tasik ini.

Tasik ini juga sesuai buat orang ramai untuk menjalankan aktiviti bersukan dan amalan gaya hidup sihat. Terdapat Rimbunan Cendekia yang ditanam pohon-pohon hijau sekitar kampus serta Taman Aromatik dengan lebat seperti Gaharu, Buah Keras, Cempaka, Kenanga, Tembusu, Kulim dan lain-lain.

-
- 278 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

